

PENGHASILAN FIBER MODEN  
BERASASKAN REKACORAK  
KAIN TENUN PAHANG

TESIS INI DIKEMUKAKAN KEPADA KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN  
DIPLOMA SENI LUKIS DAN SENI REKA

Pengarang :

RASIDAH BT GHAZALI

I / C ITM : 91309237

1. DIPERIKSA OLEH.....TARIKH.....
  2. DIPERIKSA OLEH.....TARIKH.....
  3. DIPERIKSA OLEH.....TARIKH.....
- DILULUSKAN OLEH.....TARIKH.....

DEKAN

KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

40450 SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirahim.....

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani serta dengan izinNya, dapatlah saya menyiapkan tesis saya yang bertajuk "Penghasilan Fíber Moden Berasaskan Rekacorak Kain Tenun Pahang".

Tesis ini adalah untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Seni Lukis Dan Seni Reka.

Tesis ini dikemukakan atas dasar ingin mengetengahkan kain tenun Pahang kepada masyarakat umum. Ia juga bertujuan untuk menampilkan hasil-hasil karya (seni fiber masakini) yang dihasilkan berasaskan rekacorak kain tenun Pahang.

Penulis mengambil masa selama satu semester untuk mengumpul maklumat berkenaan kain tenun Pahang dan penghasilan karya fiber masakini berasaskan rekacorak kain tenun Pahang. Kerjasama yang diberikan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan pensyarah-pensyarah di Jabatan Seni Reka Tekstil adalah amat menggalakkan. Penulis amat terhutang budi kepada penama-penama berikut yang turut menjayakan tesis ini.

## SINOPSIS

Telah banyak kajian tentang kain-kain tradisional dilakukan oleh pencinta-pencinta seni tanahair. Kesemuanya bertujuan untuk memperkayakan lagi pengetahuan masyarakat Malaysia tentang warisan budaya Melayu terdahulu. Dengan cara itu diharap masyarakat lebih menghargai tinggalan nenek moyang mereka dan terus memelihara warisan tersebut sampai bila-bila.

Dengan adanya sokongan yang diberikan oleh pihak kerajaan dalam pengkajian tekstil lama ini telah menimbulkan minat karyawan seni tanahair untuk membangun dan memberi nafas baru kepada industri tekstil tradisional. Dengan itu timbullah bermacam-macam hasil kraftangan yang diperbuat daripada tekstil tradisional ini. Tidak kurang juga, ada karyawan yang mengaplikasikan rekabentuknya dalam seni moden.

Tesis ini mendedahkan kepada pembaca satu bentuk seni moden yang tehasil daripada kajian penulis terhadap kain tenun tradisional. Tekstil yang dipilih adalah kain tenun Pahang dan rekabentuk seni moden yang ingin diperkenalkan adalah senireka fiber (tenunan masakini).

Dalam usaha untuk mendapatkan fakta serta maklumat mengenai kajian, penulis telah menggunakan 2 kaedah. Pertama kaedah atau penyelidikan lapangan dan kedua, data tambahan iaitu

## ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Sinopsis	iv
Isi kandungan	vi
Senarai sisipan	x

## BAB 1 PENGENALAN

1.1 Definisi fiber	1
1.2 Definisi tenunan	2
1.3 Sejarah awal tenunan di Malaysia	3
1.3.1 Tenunan di Kelantan	3
1.3.2 Tenunan di Terengganu	4
1.3.3 Tenunan di Pahang	4
1.4 Jenis-jenis kain tenun yang terdapat di Malaysia	6
1.4.1 Kain songket	6
1.4.2 Kain cindai	8
1.4.3 Kain limar	9
1.4.4 Kain Bugis	11
1.4.5 Kain Tenun Pahang	12
1.4.6 Kain Pua	13

## 1.1 Definisi fiber

Perkataan fiber diambil daripada perkataan Inggeris 'fibre'. Menurut kamus Dwibahasa, Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia, 'fibre' adalah "serabut atau serat (daging, kain dll)". (1) Dalam kamus Encyclopic World 'fibre' dikatakan sebagai "a fine threadlike piece as of cotton, jute or asbestos". (2)

Namun begitu fiber dalam istilah tenunan adalah jalinan serat-serat. Serat yang dimaksudkan adalah benang samada sutera, kapas atau akrilik.

- 
- 1) Kamus Dwibahasa, Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia, DBP
  - 2) Encyclopedic World Dictionary, A Marworthy